

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 3 September 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK PERLOMBONGAN PETROLEUM DAN GAS ASLI SUKU KEDUA 2025

Prestasi Minyak mentah dan kondensat suku kedua 2025 menunjukkan tanda pemulihan dengan jumlah 45.2 juta tong

PUTRAJAYA, 3 SEPTEMBER 2025 – Segmen hulu minyak dan gas asli Malaysia pada suku kedua 2025 menunjukkan perkembangan positif apabila pengeluaran Minyak mentah dan kondensat direkodkan sebanyak 45.2 juta tong, manakala Gas asli mencatatkan jumlah pengeluaran 640.9 bilion kaki padu. Walaupun pertumbuhan Minyak mentah dan kondensat masih mencatatkan kadar negatif, prestasi ini menunjukkan penyusutan yang lebih kecil berbanding suku sebelumnya, sekali gus menggambarkan tanda-tanda pemulihan dan menyumbang kepada kestabilan dalam segmen hulu minyak dan gas asli. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **Statistik Perlombongan Petroleum dan Gas Asli, Suku Kedua 2025**.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Pertumbuhan yang lebih baik adalah disokong oleh pemulihan dalam pengeluaran Minyak mentah yang merekodkan penurunan yang lebih kecil, negatif 2.2 peratus berbanding negatif 6.5 peratus pada suku sebelumnya. Sementara itu, pengeluaran Kondensat masih berada dalam julat negatif, namun lebih baik pada negatif 1.2 peratus berbanding negatif 2.4 peratus pada suku pertama 2025. Walau bagaimanapun, pengeluaran Gas asli mencatatkan penyusutan 8.0 peratus (ST1 2025: -2.2%) tahun ke tahun dengan jumlah pengeluaran sebanyak 640.9 bilion kaki padu, berbanding 781.9 bilion kaki padu pada suku pertama tahun 2025."

Harga Purata "*Lifting*" Berpemberat (WALP) bagi Minyak mentah dan kondensat di Malaysia menurun kepada USD70.4 per tong pada suku kedua 2025 berbanding USD76.4 per tong pada suku sebelumnya. Penurunan ini sejajar dengan pergerakan

harga penanda aras global, apabila WTI mencatatkan USD64.6 per tong (ST1 2025: USD71.8 per tong) dan Brent sebanyak USD68.0 per tong (ST1 2025: USD75.8 per tong).

Menjelaskan mengenai prestasi perdagangan luar negara, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Nilai eksport Petroleum mentah dan kondensat merekodkan RM6.3 bilion pada suku kedua 2025. Australia mendahului eksport Petroleum mentah dan kondensat dengan RM1.9 bilion atau 29.7 peratus daripada jumlah eksport, diikuti oleh Thailand (26.8%) dan Jepun (14.6%). Sementara itu, nilai eksport Keluaran petroleum bertapis menurun kepada RM22.7 bilion berbanding RM24.3 bilion pada suku sebelumnya. Indonesia muncul sebagai penerima terbesar eksport Keluaran petroleum bertapis berjumlah RM5.0 bilion atau 21.9 peratus, diikuti oleh Singapura (20.0%) dan Australia (17.2%). Nilai eksport LNG turut mencatatkan penurunan kepada RM10.4 bilion pada suku ini berbanding RM15.5 bilion pada suku pertama 2025 dengan 35.3 peratus dieksport ke Jepun, diikuti oleh Republik Korea (24.5%) dan China (23.4%)."

Ketua Perangkawan selanjutnya mengulas, "Nilai import Petroleum mentah dan kondensat mencatatkan RM12.9 bilion pada suku kedua 2025 (ST1 2025: RM13.6 bilion). Arab Saudi terus mendominasi sebagai negara asal utama bagi import Petroleum mentah dan kondensat sebanyak 38.5 peratus, diikuti oleh Emiriah Arab Bersatu (20.0%) dan Sudan (7.2%). Sementara itu, nilai import Keluaran petroleum bertapis merekodkan RM22.0 bilion (ST1 2025: RM23.2 bilion) dengan Singapura kekal penyumbang terbesar (38.0%), diikuti oleh China (13.5%) dan Republik Korea (13.2%). Import LNG pula mencecah RM1.5 bilion (ST1 2025: RM1.9 bilion) dengan 82.4 peratus diimport dari Australia manakala baki 17.6 peratus adalah dari Trinidad dan Tobago."


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Prestasi Pengeluaran Minyak Mentah dan Kondensat, ST1 2023 - ST2 2025




Carta 2: Prestasi Pengeluaran Gas Asli, ST1 2023 - ST2 2025




Carta 3: Harga Minyak Mentah dan Kondensat, ST1 2023 - ST2 2025



Carta 4: Nilai Eksport Petroleum Mentah & Kondensat, Keluaran Petroleum Bertapis dan Gas Asli Cecair (LNG), ST1 2023 - ST2 2025



Carta 5: Nilai Import Petroleum Mentah & Kondensat, Keluaran Petroleum Bertapis dan Gas Asli Cecair (LNG), ST1 2023 - ST2 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
3 SEPTEMBER 2025